

# Perganjanan di KL dijangka terbaik

UM 23 JAN 2003

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Penganjuran Persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di sini bulan depan dijangka menjadi persidangan yang terbaik pernah diadakan ekoran sambutan yang menggalakkan dari negara-negara peserta.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada ketua-ketua negara terbabit mereka tidak sabar untuk datang ke Kuala Lumpur bagi menayakan persidangan.

"Ini merupakan satu penghormatan kepada negara kita," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau kini berada di Paris sebelum ke Afrika sebagai Utusan Khas Kerajaan Malaysia untuk bertemu dan menyampaikan undangan rasmi kepada ketua-ketua negara dan kerajaan berkenaan untuk menghadiri persidangan NAM ke-XIII pada 24 dan 25 Februari ini.

Rais akan ke Niger, Kenya dan Cameroon bagi menyerahkan surat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada ketua negara terbabit.

Katanya, daripada maklum balas yang terima, semua ketua negara terlibat amat menghormati dan menyanjungi Malaysia ekoran kejayaan-kejayaan yang telah dicapai.

"Mereka juga amat menyanjungi dan menghargai Perdana Menteri (Dr. Mahathir), ini merupakan satu pengiktirafan kepada negara," katanya.

Selain Rais, seorang lagi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok turut ke Afrika bagi tujuan yang sama.

Dompok akan mengunjungi Ethiopia, Eritrea dan Chad.

Sementara itu, Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob akan membawa misi yang sama ke Bahamas, Barbados, Guyana dan Surinam manakala Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid ke Turkmenistan, Uzbekistan, Tunisia dan Oman.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie ke Guinea-Bissau, Guinea, Senegal, Mali dan Mauritania sementara Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman ke Mongolia.